



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
TINGKAT 9, GAYA CENTRE  
JALAN TUN FUAD STEPHENS  
BEG BERKUNCI NO 2073  
88999 KOTA KINABALU  
SABAH

TELEFON : 088-260735  
(260741/2/3/4 - Sbg 16)  
FAKS : 088-260731

PEJABAT PENDAFTAR

Ruj Kami : UMS/PN2.1/P5/2

Tarikh : 23 Februari 1998

### **PEKELILING PENDAFTAR BIL. 1/98**

Semua Dekan/Ketua Unit/Jabatan/Bahagian  
Universiti Malaysia Sabah.

Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

#### **KADAR TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa mulai 1 Mac 1998 pihak Universiti telah menetapkan bahawa kadar tuntutan Elaun Lebih Masa hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok. Walau bagimanapun, dalam keadaan tertentu dan benar-benar mustahak seperti untuk menyiapkan atau melaksanakan sesuatu tugas dalam tempoh yang ditetapkan, tuntutan melebihi daripada kadar di atas tetapi tidak melebihi 2/3 daripada gaji pokok boleh juga dipertimbangkan dengan syarat kerja-kerja lebih masa yang dilakukan itu mendapat arahan secara bertulis daripada Ketua Jabatan/Bahagian terlebih dahulu. Sebarang tuntutan yang melebihi daripada kadar yang ditetapkan tidak akan dibayar tetapi kakitangan boleh mengantikan baki tuntutan tersebut dengan cuti tanpa rekod.

2. Penetapan kadar tersebut adalah sebagai salah satu usaha pihak universiti untuk mengurangkan dan mengawal perbelanjaan universiti selaras dengan Pekeliling Perpendaharaan Bil. 6 Tahun 1997 butiran 6.8 mengenai Elaun Lebih Masa dan langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan awam.
3. Sehubungan itu, sukacita sekiranya pihak Y. Bhg. Dato'/tuan/puan dapat mengambil perhatian mengenai perkara ini dan memaklumkan kepada semua kakitangan di sekolah/unit/jabatan/bahagian Y. Bhg. Dato'/tuan/puan.

Kerjasama Y. Bhg. Dato'/tuan/puan dalam perkara ini terlebih dahulu diucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Sekian.

**“Bertekad Cemerlang”**

Yang benar,



**HELA LADIN MOHD. DAHALAN**  
Pendaftar  
b.p. Naib Canselor

s.k.:

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik)
- Bendahari

msword/elmasa/shi